



JAMIL Khir Baharom (tengah) sambil dilirngi Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda (kiri) beramah mesra dengan sebahagian daripada 852 lepasan sekolah yang mendaftar diri untuk mengikuti program matrikulasi di universiti tersebut di Nilai, dekat Seremban, baru-baru ini.

Demi menjamin kesejahteraan serta kemajuan negara

Amal sikap 'wasatiyyah'

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 12 Jun - Penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) yang bakal dilahirkan menjadi pemimpin dan penentu hala tuju negara wajar mengamalkan konsep 'wasatiyyah' demi memastikan kesejahteraan dan kemajuan negara terus terjamin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, amalan serta sikap wasatiyyah

bukan sahaja mampu menjanjikan keseimbangan dan kesejahteraan dalam kehidupan dunia malah di akhirat.

"Jika ingin melihat bagaimana dan siapakah pemimpin pada masa hadapan, maka lihatlah perangai, tingkah laku serta sikap generasi muda masa kini kerana merekalah yang bakal meneraju barisan kepimpinan masa depan.

"Perkara ini amat penting dalam usaha mematkan harapan pemimpin terdahulu menjadikan negara

ini berstatus maju menerusi wawasan 2020 tercapai sekali gus terpelihara dan diwarisi generasi seterusnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Hari Pendaftaran Tamhidi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Stadium Tertutup Nilai di Nilai dekat sini baru-baru ini.

Katanya, konsep wasatiyyah seharusnya dijadikan, amalan kehidupan bagi semua golongan dan peringkat seperti yang ditekankan

dalam Islam.

"Bagi mencapai kejayaan, para pelajar khususnya harus berusaha untuk mendaki tangga kejayaan dengan penuh ketertiban berladaskan konsep wasatiyyah sekali gus diberkati Allah SWT," ujarinya.

Tambahnya lagi, penuntut juga diharap dapat mengenali pemimpin dengan lebih dekat bagi membolehkan nilai murni dan sifat positif pemimpin dapat dicontohi seterusnya dipraktikkan pada masa kelak.